

## Pengenaan Cukai Oleh LHDNM Dalam Ekonomi Gig

11/19/21, 3:58 PM

Pengenaan Cukai Oleh LHDNM Dalam Ekonomi Gig - Majalah Labur

Cukai

## Pengenaan Cukai Oleh LHDNM Dalam Ekonomi Gig



Majalah Labur

November 11, 2021 9:44 am



Menjelang tahun 2020, ekonomi gig mula mendapat tempat malah ribuan sudah mula beralih ke sektor baharu itu yang dilihat mampu menjana lebih banyak pendapatan berbanding beberapa sektor lain. Investopedia membuat takrifan sebagai "pekerjaan yang fleksibel adalah tempat biasa dan syarikat cenderung untuk mengambil kontraktor dan pekerja bebas dan bukannya pekerja sepenuh masa".

Beberapa istilah lain juga digunakan bagi sektor baharu ini seperti *Sharing Economy*, *Collaborative Economy*, *Digital Economy*, *Crowd Economy* dan *Peer Economy*.

## Perkembangan Ekonomi

Ekonomi gig menjadi segmen ekonomi yang semakin meningkat popular sejak akhir-akhir ini, terutama dalam



**2021 DEVOPS REPORT**  
**What's stopping leaders from s**  
**DevOps (and how to fix it)**

## Komponen dan Ciri-Ciri Ekonomi Gig

Terdapat tiga komponen utama dalam Ekonomi Gig. Pertama, pekerja bebas dibayar berdasarkan tugas tertentu. Kedua, pelanggan mahu perkhidmatan spesifik. Ketiga, syarikat membina medium antara pekerja bebas dengan pelanggan menggunakan platform aplikasi teknologi seperti Grabfood, Foodpanda, TaskRabbit, Bungkusit serta perkhidmatan seru-pandu seperti Grab dan MyCar.



*Pendapatan sebagai pemandu GrabCar juga boleh dikenakan cukai pendapatan sekiranya memenuhi syarat.*

Tiada garis panduan yang khusus untuk menerangkan pekerjaan dalam ekonomi gig ini. Bagaimanapun, ia hanya boleh disimpulkan kepada beberapa ciri. Pertama, sistem kerja tanpa kontrak. Pekerja tidak terikat dengan satu syarikat atau satu pekerjaan tertentu.

Seseorang itu boleh bekerja di tiga syarikat sekaligus atau lebih tanpa batasan di era digital. Kedua, pekerja mempunyai masa fleksibel tanpa terikat dengan waktu normal bekerja. Pekerja bebas bekerja pada bila-bila masa asalkan kerja dibuat boleh diselesaikan pada waktu yang dipersetujui. Ketiga, hasil pendapatan lebih daripada satu.

*Tidak hairan anak-anak muda masyarakat ini buah manfaikkan nantangan lebih lumayan malah nantangan*





pekerjaan tersebut boleh selesai pada waktu yang ditentukan. Dengan cara ini, seseorang itu dapat mengurangkan tekanan emosi dan stress. Kebebasan bekerja mungkin menjadi ciri utama mereka memilih menjadi *freelancer* atau *self-employed*.

## Pengenaan Cukai Dalam Ekonomi Gig

Kini, semakin ramai yang terlibat dengan ekonomi gig kerana menginginkan kebebasan dalam bekerja. Bukan sahaja itu, ekonomi gig juga telah membuka ruang yang lebih besar kepada perkembangan ekonomi rakyat Malaysia dan negara kerana ia memberi peluang pekerjaan kepada ramai rakyat yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Kebanyakan mereka yang terkesan dengan situasi ini telah beralih kepada ekonomi gig dengan membuat kerja separuh masa untuk menambah pendapatan seperti menjadi pemandu Grab, bekerja sebagai penghantar makanan, terlibat dengan perniagaan dalam talian dan banyak lagi. Adakah golongan yang bekerja separuh masa seperti ini perlu melaporkan pendapatan tersebut?

Secara asasnya, ia bergantung kepada kekerapan kerja separuh masa itu dilakukan. Jika pekerjaan tersebut dilakukan satu atau dua kali sahaja, mereka boleh menggunakan borang BE untuk melaporkan pendapatan. Pendapatan yang diterima daripada pekerjaan separuh masa atau *part time* tersebut perlu diisi dalam bahagian pendapatan lain.

Bagaimanapun, jika pekerjaan *part time* tersebut dilakukan secara kerap seperti dilakukan setiap bulan, maka ia lebih kepada *business model*, maka perlu melaporkan pendapatan menggunakan borang B (Individu Berpendapatan Perniagaan).

Bagi kategori borang B ini contohnya perniagaan dalam talian, pembelian barang dan kos perbelanjaan bagi penghantaran barang adalah dibenarkan tuntutannya sebagai pelepasan cukai.

2021 DEVOPS REPORT  
What's stopping leaders from success in DevOps (and how to fix it)

e-Borang status e-borang

PERHATIAN : Sila tutup pop-up blocker pelayar anda sebelum menggunakan e-borang. Klik di sini bagi kaedah menutup pop-up blocker.

Individu Pemastautin

e-BE  
Tiada Puncu Pendapatan Perniagaan

Tahun/Takrifan

e-BI  
Ada Puncu Pendapatan Perniagaan

Tahun/Takrifan

e-BT  
Pekerja Berpengetahuan atau Pekerja Berkelepasaran (Program Kapsulangan Pakar) yang telah diluluskan oleh Menteri - rujuk PU(A) 344/2010 atau PU(A) 151/2012 di Portal Rasmi LHDNM

Tahun/Takrifan

Tempo@HNC

Kekerapan pekerjaan yang dilakukan menentukan jenis Borang Nyata ketika melapor pendapatan kepada LHDNM.

Kesimpulannya, apa sahaja pekerjaan yang menghasilkan pendapatan termasuklah pekerjaan dalam ekonomi gig perlu dilaporkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi tujuan cukai pendapatan.

Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui Borang Maklumbalas Pelanggan atau hubungi HASIL Care Line di 03-8911 1000. Maklumat lanjut percukaian boleh diperolehi di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

Sumbangan anda jaminan kemakmuran negara.

*Nota: Artikel ini disumbangkan oleh Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia, Jabatan Khidmat Korporat, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.*

